

SOALAN NO: 134

diterima melalui platform media sosial, perkhidmatan mesej segera, blog, laman sesawang, dan sebagainya.

Portal tersebut dilihat mendapat tindak balas positif daripada masyarakat umum berdasarkan jumlah layaran sejak pelancarannya. Sehingga akhir Oktober 2017, portal ini telah mencatatkan jumlah layaran sebanyak lebih kurang 14.07 juta.

Pemerhatian daripada aspek perkongsian maklumat daripada sumber portal sebenarnya.my oleh masyarakat awam di media-media sosial memberi indikasi yang positif dari segi keberkesanan portal dalam membantu menangani masalah penularan maklumat serta berita yang tidak sahih atau palsu dalam talian.

RT06/135

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN BERTULIS : PUAN RUBIAH BINTI HAJI WANG
DARIPADA [KOTA SAMARAHAN]**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

**Puan Rubiah Binti Haji Wang [Kota Samarahan] minta MENTERI
PENDIDIKAN menyatakan :-**

- (a) status terkini perancangan pembinaan SMK Sri Samarahan, SK Pengkalan Kuap, SK Merdang, SK Desa Ilmu dan gantian penuh SMK Muara Tuang; dan
- (b) adakah Kementerian mempunyai cadangan mewujudkan sekolah menengah aliran agama di kawasan Kota Samarahan.

JAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

- a) Status terkini perancangan pembinaan empat (4) buah sekolah di Parlimen Samarahan adalah seperti berikut
 - i. **SMK Sri Samarahan** – Projek dalam proses pelantikan perunding. Projek ini dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya.
 - ii. **SK Pangkalan Kuap dan SMK Muara Tuang** – Projek ini dilaksanakan oleh Bahagian Pembangunan Pelajaran, KPM dan dalam proses rekabentuk. Kedua-dua projek ini dijangka tender pada tahun 2018.

- iii. **SK Merdang** – Projek telah ditender pada 9 Mei 2017. SST telah dikeluarkan pada 9 Oktober 2017 dan kerja-kerja pembinaan akan bermula pada awal November 2017. Mesyuarat '*Kick off*' projek ini telah diadakan pada 17 Oktober 2017.
 - iv. **SK Desa Ilmu** – akan dimohon dalam RP4 RMKe-11 untuk pertimbangan agensi pusat
- b) Pada masa kini KPM belum mempunyai cadangan mewujudkan sekolah menengah aliran agama di kawasan Kota Samarahan.